

Galak makan buah-buahan tempatan

Kuala Lumpur: Seramai 1,520 murid dan guru Sekolah Kebangsaan Setiawangsa (SKS) mendapat manfaat melalui Sambutan Hari Pemakanan Sihat Sekolah dan Kempen Lebihkan Makan Makanan Buah-buahan Tempatan, di sini, semalam.

Kempen itu dianjurkan Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan SKS bertujuan memberi kesedaran mengenai kepentingan makan buah-buahan tempatan dalam kalangan murid, khususnya yang berumur tujuh hingga 12 tahun.

Guru Besar SKS, Ruslan Madon, berkata program itu juga untuk menyokong kempen gaya hidup sihat sebagai medium untuk mempromosikan produk tempatan kepada murid sekolah rendah.

"Kita mahukan mereka belajar gaya hidup sihat dan mengamalkan aktiviti kecergasan selain memberi pendedahan mengenai khasiat pemakanan buah tempatan berbanding yang diimport.

"Kempen sehari ini membabitkan murid terpilih Tahun Satu, Lima dan Enam serta 120 guru," katanya pada sidang media selepas program berkenaan.

Pemakanan lebih sihat

Program itu dirasmikan Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Dr Ummi Kalthom Shamsudin.

Ruslan berkata, antara aktiviti yang diadakan pada program itu termasuk pertandingan menyusun buah (Fruit Puzzle); mencari harta karun; kuiz buah-buahan; 10,000 langkah dan pameran kesihatan.

"Setiap murid juga turut diberikan buah tempatan untuk dimakan dan juga jualan makanan kesihatan seperti sayuran oleh pelajar Inkubator Universiti Putra Malaysia (UPM)," katanya.

Sementara itu, murid SKS, Muhammad Haikal Yunus, 6, berkata aktiviti yang dianjurkan itu memberi peluang kepadanya untuk mendapat maklumat lebih terperinci berkenaan pemakanan sihat.

"Sebelum ini saya tidak tahu sangat mengenai kesihatan, tapi hari ini saya banyak belajar, dapat pula makan buah-buahan tempatan yang ada banyak khasiat," katanya.

